

PEMBELAJARAN ILMU ISLAM DI ERA AI MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH

ISLAMIC KNOWLEDGE EDUCATION IN THE AGE OF AI: A SHARIAH PERSPECTIVE

Nabilah Huda Zaim^{1*}
Siti Hajar Sophia Amran²
Normaisarah Othman³
Siti Nurhidayah Md Tahir⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah
(E-mail: nabilahhuda@uitm.edu.my)

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Negeri Sembilan, Kampus Seremban
(E-mail: cthajarsopia@uitm.edu.my)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Negeri Sembilan, Kampus Seremban
(E-mail: normaisarah@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah
(E-mail: hidayahtahir@uitm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 25-8-2025
Revised date : 26-8-2025
Accepted date : 27-9-2025
Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Zaim, N. H., Amran, S. H. S., Othman, N., & Md Tahir, S. N. (2025). Pembelajaran ilmu Islam di era AI menurut perspektif Syariah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 597 – 614.

Abstract: Perkembangan teknologi kecerdasan buatan (AI) telah membawa perubahan ketara dalam cara ilmu Islam dipelajari, diakses, dan disampaikan. Artikel ini meneliti penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pembelajaran ilmu Islam melalui lensa syariah. Menerusi pendekatan kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap jurnal-jurnal akademik dan kitab-kitab fiqh, kajian ini mengkaji kewajaran AI dijadikan rujukan utama pada masa kini serta menilai manfaat dan risiko AI dalam pendidikan agama. Perbincangan merangkumi prinsip usul fiqh, kaedah fiqh dan maqasid syariah bagi menetapkan garis panduan penggunaan AI yang selaras dengan hukum Islam. Dapatan menunjukkan AI berpotensi besar sebagai alat sokongan pembantu pengajaran, pengindeksan teks dan analisis perbandingan tetapi tidak menggantikan peranan mujtahid dan ulama' kerana kekurangan kefahaman kontekstual, empati dan autoriti sumber. Artikel ini mengemukakan garis panduan syariah bagi integrasi AI dalam pendidikan Islam.

Keywords: Kecerdasan Buatan (AI), Pendidikan Islam, Perspektif Syariah, Usul Fiqh, Maqāṣid al-Sharī'ah, Etika Teknologi Islam

Abstract: The development of artificial intelligence (AI) technology has significantly transformed the ways in which Islamic knowledge is learned, accessed, and delivered. This article examines the use of AI in Islamic learning through the lens of Shariah. Employing a qualitative approach with content analysis of academic works and books of Islamic

*Jurisprudence, this study explores the appropriateness of AI as a primary reference in contemporary times while assessing its benefits and risks in religious education. The discussion encompasses the principles of *usul fiqh*, *qawa'id fihiyyah*, and *maqāsid al-Sharī'ah* to establish Shariah-compliant guidelines for the use of AI. The findings reveal that AI holds great potential as a supportive tool for teaching assistance, text indexing, and comparative analysis, but it cannot replace the role of *mujtahid* and scholars due to its lack of contextual understanding, empathy, and authoritative sources. This article proposes Shariah-based guidelines for the integration of AI into Islamic education.*

Keywords: Artificial Intelligence (AI), Islamic Education, Shariah Perspective, Usul Fiqh, Maqāsid al-Sharī'ah, Islamic Technology Ethics

Pengenalan

Menuntut ilmu merupakan tuntutan asas dalam Islam yang bersifat sepanjang hayat. Firman Allah SWT dalam Surah al-'Alaq ayat 1–5: "*Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Mulia, yang mengajar manusia melalui pena, mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*" Ayat ini menjadi asas perintah menuntut ilmu dan menggambarkan bahawa perkembangan ilmu pengetahuan merupakan manifestasi daripada sifat Allah sebagai al-'Alīm (Maha Mengetahui). Begitu juga terdapat hadis yang diriwayatkan berkaitan kefarduan menuntut ilmu: "*Menuntut ilmu adalah kewajiban bagi setiap Muslim.*" (Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Mājah, dinilai hasan oleh sebahagian ulama walaupun terdapat perbincangan sanadnya).

Seiring perkembangan zaman, kaedah memperolehi ilmu berubah dengan pesat. Revolusi teknologi, khususnya pada era kemunculan Kecerdasan Buatan (AI), telah membuka ruang baharu dalam kaedah pembelajaran, termasuk pembelajaran ilmu Islam. AI berupaya menganalisis teks, menjawab soalan secara interaktif dan mengakses sumber secara pantas iaitu fungsi yang tidak wujud dalam generasi terdahulu.

Jika dahulu pembelajaran agama banyak bergantung kepada talaqqi, madrasah dan rujukan kitab fizikal, kini kebanyakan pelajar dan masyarakat umum menggunakan AI (seperti chatbot, aplikasi fatwa automatik, atau *platform e-learning* berasaskan AI) untuk memahami al-Quran, hadis, fiqh dan sejarah Islam. Fenomena ini membentuk satu peralihan epistemologi daripada rujukan berasaskan autoriti ulama secara langsung kepada interaksi dengan sistem pintar.

Walau bagaimanapun, timbul persoalan adakah wajar AI dijadikan rujukan utama dalam pembelajaran agama, memandangkan ia tidak mempunyai keupayaan taklif, kefahaman kontekstual dan sanad keilmuan seperti yang dimiliki oleh ulama'.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menilai manfaat dan kelemahan AI seterusnya merungkai kewajaran AI untuk dijadikan rujukan utama menurut perspektif syariah. Pendekatan yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dengan mengaplikasikan analisis kandungan terhadap bahan-bahan ilmiah seperti jurnal akademik dan kitab-kitab fiqh sebagai rujukan.

Jurnal akademik yang menjadi rujukan termasuklah dalam dan luar negara seperti *Journal of Fatwa Management and Research*, *International Journal of Modern Education*, *Middle East Journal of Islamic Studies and Culture*, *The International Journal of Maqasid Studies and*

Advanced Islamic Research, International Journal of Computer Science and Mobile Computing dan lain-lain lagi bagi mengetahui peranan, aplikasi serta pandangan-pandangan kontemporari berkaitan AI. Jurnal-jurnal ini diperolehi berdasarkan carian menerusi kata kunci utama iaitu pembelajaran ilmu Islam, kecerdasan buatan (AI) dan perspektif Islam menggunakan dwibahasa Melayu dan Inggeris.

Di samping itu, kitab-kitab fiqh turath dan moden turut dirujuk bagi mengetahui pandangan ulama' klasik dan sarjana Islam kontemporari. Antara kitab yang dirujuk adalah *Maqasid al-Shariah al-Islamiyyah*, *Al-Mustafa min 'Ilm al-Usul*, *Al-Ashbah wa al-Nazair*, *al-Qawaid wa al-Usul al-Jamiah wa al-Furuq wa al-Taqari al-Fiqhiyyah*, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*, *Sharh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*, *Principle of Islamic Jurisprudence* serta lain-lain lagi. Pandangan dan prinsip-prinsip yang dikemukakan oleh ulama' klasik dan sarjana Islam kontemporari dalam kitab-kitab tersebut mengukuhkan lagi panduan pembelajaran ilmu Islam pada era AI bersesuaian dengan topik utama kajian ini.

Kecerdasan Buatan (AI)

Secara konseptual, AI dapat ditakrifkan sebagai keupayaan sistem berasaskan mesin untuk melaksanakan tugas penggunaan kecerdasan manusia seperti pemprosesan maklumat, penaakulan logik serta sebagai pengambil keputusan dalam sesebuah situasi. Dalam konteks pendidikan, AI berperanan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran melalui pendekatan perperibadian (*personalization*) yang disesuaikan dengan keperluan individu seorang pelajar (University, 2023). Sumber pengajaran dan pembelajaran (PDP) tidak lagi berpusat kepada guru bahkan orientasi sumber PDP lebih luas iaitu dengan memanfaatkan alat bantu belajar untuk mempercepatkan pencarian maklumat dengan lebih meluas (*broad based learning*). Kecerdasan buatan atau artificial intelligence (AI) merupakan salah satu bidang teknologi yang semakin berkembang pesat sejak akhir ini. AI banyak mempengaruhi kehidupan manusia pada masa kini termasuk dalam bidang pendidikan (Sehan Rifky, 2024).

Justeru, AI sebagai medium penyebaran ilmu tidak lagi dilihat sebagai alat carian, malah turut dijadikan sebagai rujukan bagi pelbagai persoalan termasuk perihal keagamaan. Kajian daripada Ines (2018) mendapati bahawa generasi muda Muslim semakin berpaut pada enjin carian dan aplikasi AI untuk memahami ilmu Islam khususnya aspek akidah, syariah, fiqh dan tasawuf. Aplikasi seperti ChatGPT telah membuka ruang baharu antara manusia dan maklumat. Walaubagaimanapun, perlu diberi perhatian bahawa sistem AI dicipta daripada data yang berskala besar termasuk data yang tidak berteraskan epistemologi Islam. Maka, boleh jadi wujudnya maklumbalas AI yang mengelirukan apabila telah bercampur aduk dengan fahaman luar sekiranya pengguna Muslim tidak mengklasifikasikan batasan mazhab atau aliran dalam pertanyaan mereka (Manar Muhammad et. al, 2025).

Pembelajaran Ilmu Islam

Sejarah kewujudan dan perkembangan tradisi keilmuan Islam menunjukkan kejayaan umat Islam dalam mengekalkan dan memperkasa sistem pendidikan dari zaman Nabi Muhammad SAW. Dalam konteks sejarah, pengajaran Al-Quran misalnya adalah berasaskan kepada kaedah tertua yang diperkenalkan oleh Jibrail A.S kepada Rasulullah SAW ketika wahyu pertama disampaikan kepada baginda SAW iaitu secara *Talaqqi* dan *Musyafahah* (Sharifah Norshah et. al., 2018 & Nurul Badriyyah, 2022). Perkataan *talaqqi* berasal daripada bahasa arab iaitu daripada kalimah 'laqia' (لقي) yang membawa maksud berjumpa. Berjumpa merujuk kepada perjumpaan antara guru dan murid. Kaedahnya adalah dengan cara seorang murid duduk dihadapan gurunya untuk memperdengarkan bacaan al-Quran secara langsung (Syuhaida Idha

Abd Rahim et. al, 2016). Selain itu, pembelajaran dan pengajian hadis ketika zaman Tabi'in juga adalah melalui kaedah talaqqi iaitu bersemuka dengan sahabat. Sebagai contoh, Said bin Al Jabir telah bertalaqqi dengan Ibnu abbas, Abdurrahman bin Harmalah dan banyak lagi (Muhammad Afiq Ikmal et. al., 2023).

Selain talaqqi, kaedah pembelajaran dan pengajaran dalam tradisi keilmuan Islam yang lain adalah konsep *Halaqah* iaitu berkumpul dalam bentuk bulatan untuk mendengar dan mempelajari ilmu daripada seorang guru. Kaedah ini melibatkan pelajar yang akan duduk mengelilingi guru, kemudian guru berkenaan akan menghuraikan sesebuah kitab atau buku sama ada dari karyanya sendiri atau orang lain kemudian pelajar akan mendengar dan mencatat penjelasan guru pada kitab-kitab tersebut. (Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin et. al 2020). Ia juga mungkin boleh dikatakan sebagai kuliah terbuka seperti yang berlaku hari ini. Pengajian berbentuk halaqah ini diinspirasikan daripada pengajian halaqah yang diadakan di Masjid al Haram Makkah (Amnah Saayah Ismail et. al., 2018).

Kemunculan AI pada ketika ini membawa satu dimensi baharu mencabar struktur tradisi keilmuan Islam zaman berzaman. Menerusi AI, seseorang mampu mengakses dan mengajarkan kitab terdahulu tanpa perlu bertemu secara bersemuka atau duduk di dalam halaqah. Jika dengan cara yang tradisi, seorang guru akan mensyarahkan matan atau menafsirkan al Quran secara berdepan namun pada hari ini keperluan seorang guru untuk menafsirkan teks telah digantikan dengan teknologi AI malah menjadi rujukan utama segelintir penuntut ilmu. Dengan itu, manfaat dan kelemahan AI dikaji sebelum menilai kewajaran AI sebagai wadah pembelajaran ilmu Islam.

Manfaat AI

Antara manfaat penggunaan AI ialah memudahkan capaian bagi umat Islam termasuk di kawasan pedalaman. Ia mempunyai akses 24 jam sehari untuk melakukan pencarian maklumat. Masyarakat hari ini yang sudah beralih kepada pengguna telefon *Android* atau *Apple* sudah tentu mempunyai capaian internet. Malah setiap rumah sudah mula dilengkapi dengan rangkaian wifi bagi memudahkan pencarian maklumat berlaku. Laporan tinjauan penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah 2024 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan bahawa sebanyak 99.8% masyarakat bandar dan 98.9% masyarakat luar bandar mempunyai akses kepada penggunaan telefon bimbit. Malah peratusan penggunaan komputer di masyarakat bandar telah meningkat sebanyak 86.5% pada tahun 2024 berbanding hanya 86.0% pada tahun 2023. Begitu juga dengan masyarakat luar bandar mengalami peningkatan sebanyak 64.3% pada tahun 2024 berbanding 63.6% pada tahun 2023 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2025).

Selain itu, antara manfaat penggunaan AI ialah proses pencarian maklumat berlaku dengan lebih pantas. Sebelum ini, individu perlu menelaah dan mengambil masa yang lama di perpustakaan untuk mencari informasi dan mengesahkannya melalui kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh para akademik. Berlainan pula hari ni, kelajuan menganalisis data melalui aplikasi AI tidak dapat dinafikan. Cukup dengan hanya memberi arahan kepada aplikasi seperti ChatGPT, Grammarly, Deepseek atau Gemini, maka seluruh pencarian maklumat terhadap kitab dan kes terdahulu dapat diperoleh melalui beberapa saat sahaja. Ini berlaku hanya dengan mengetik serta mengarahkan *prompt* yang sesuai untuk mendapatkan maklumat (Nur Afiah et. al, 2024).

Malah, AI juga berpotensi menjadi pemacu kreativiti dengan membuka ruang luas untuk inovasi, seni dan penghasilan karya baharu. Teknologi ini membantu manusia mencipta reka bentuk yang unik, menghasilkan muzik dan seni digital serta membangunkan penyelesaian baharu dalam pelbagai bidang. Dengan keupayaan menganalisis data dan mengenal pasti corak, AI bukan sahaja mempercepat proses penciptaan, malah memperkayakan idea, mengembangkan kreativiti yang lebih bernilai dan relevan (Hosni et al., 2023).

Dalam konteks penelitian kepada keilmuan syariah yang memerlukan rujukan kepada al-Quran dan hadis, pengesahan autoriti maklumat yang diterima adalah penting sebelum menyebarkannya kepada masyarakat awam. Oleh itu, aplikasi seperti Think Quran dan semakhadis.com merupakan enjin carian yang dapat membetulkan bacaan al-Quran dan menyemak kesahihan hadis dalam membahaskan permasalahan dalam masyarakat hari ini (Nur Afiqah et. al, 2024). Ini bermaksud dengan penggunaan AI, sifatnya lebih konsisten dan objektif dalam mendedahkan pencarian maklumat. Ia hanya menjawab kepada persoalan yang ditanya sahaja tanpa melencong ke arah objektif yang lain.

Hal ini selari dengan pandangan Mustaffa et al. (2024) yang menyatakan teknologi AI berperanan mempercepat carian maklumat, meluaskan akses rujukan, meningkatkan kefahaman, menyemak bacaan dan kesahihan teks serta menjadikan pengajaran dan pembelajaran al-Quran dan hadis lebih interaktif dan berkesan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan pembelajaran menggunakan AI ini masih berdepan dengan cabaran seperti ketepatan maklumat, kesukaran memahami konteks dan risiko salah tafsir.

Kelemahan AI

Walaupun AI dan teknologi digital memberi impak besar dalam bidang hadis tetapi masih banyak cabaran dan kekangan yang menghalang integrasi secara sepenuhnya dalam bidang keilmuan Islam antaranya ialah isu kebolehpercayaan data dan ketulenan sumber. Kebimbangan ini berpunca daripada banyaknya pengkalan data hadis dalam talian atau aplikasi mudah alih yang tidak dipantau oleh ilmuwan yang bertauliah atau pihak berautoriti. Tambahan lagi, terdapat sesetengah laman web yang memuatkan hadis palsu atau dhaif tanpa sebarang penafian yang jelas sekaligus berpotensi memberi kekeliruan kepada pengguna (Abdul Malik Sani & Muhammad Dayyabu Abdulmumini, 2025).

Antara kelemahan lain AI adalah tidak mempunyai kefahaman teologi dan konteks sejarah walaupun AI mampu mengenal pasti pola, memadankan sanad dan melakukan analisis teks. AI mungkin juga boleh tersalah menandakan Hadis Sahih sebagai bermasalah hanya kerana perbezaan bahasa yang kelihatan ganjil atau perawi yang dianggap luar biasa. Contohnya seorang perawi yang pernah dipertikaikan pada satu generasi mungkin telah dibenarkan dan diiktiraf oleh ulama generasi selepasnya. Oleh kerana itu, AI perlu beroperasi di bawah penyeliaan rapat para pakar hadis yang bertauliah untuk mengelakkan kesimpulan yang salah (Abdul Malik Sani & Muhammad Dayyabu Abdulmumini, 2025).

Kelemahan seterusnya adalah kesukaran memastikan ketepatan dan objektiviti tafsiran AI terhadap ayat-ayat al Quran kerana AI dilatih menggunakan data yang dikumpulkan daripada manusia dan data tersebut boleh jadi mengandungi *bias* atau tafsiran yang tidak tepat. Seterusnya AI berkemungkinan sukar untuk menangkap makna yang mendalam serta kontekstual disebabkan al Quran mengandungi ayat-ayat yang bersifat kompleks dan memiliki pelbagai lapisan makna justeru dikhuatiri boleh membawa kepada tafsiran yang salah (Moh. Mauluddin, 2024).

Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Mahdi Kasi Abdul Karim Al Janabi (2024) yang menilai ketepatan dan kesesuaian penggunaan ChatGPT dalam tafsir al Quran dengan membandingkan dengan tafsiran ulama tradisional. Dapatan menunjukkan tafsiran ChatGPT tidak mencapai tahap ketepatan dan kedalaman yang diperlukan serta kekurangan konteks sejarah. Begitu juga dengan kajian Hosni et al., (2023) mendapati maklumat agama yang dihasilkan sering tidak tepat, tiada konsep sanad dan berisiko memanipulasi ayat al-Quran atau hadis sehingga mengelirukan umat Islam.

Lebih membimbangkan, tiada pihak yang jelas bertanggungjawab atas kesilapan maklumat, wujud risiko pencerobohan privasi dan penyalahgunaan data, serta potensi penyebaran maklumat palsu atau berat sebelah, ditambah pula dengan kekurangan garis panduan syariah yang mengawal penggunaannya (Hosni et al., 2023).

Rentetan itu, AI yang sering disalahgunakan untuk menyiapkan tugas tanpa kefahaman sebenar dalam konteks pembelajaran ilmu Islam seterusnya akan turut menjejaskan etika akademik bagi ilmuan Islam (Hosni et al., 2023). Malah secara tidak langsung, AI berpotensi memberi kesan melemahkan kemahiran berfikir kritis dalam kalangan penuntut ilmu Islam lebih-lebih lagi jika digunakan secara membuta tuli.

Analisis Peranan AI menurut perspektif syariah

Perbincangan ini memfokuskan kepada tiga aspek syariah yang dimulakan dengan penganalisisan menurut usul fiqh diikuti dengan kaedah fiqh serta maqasid syariah.

Analisis menurut perspektif Usul Fiqh

Usul fiqh ialah disiplin ilmu yang membincangkan kaedah dan prinsip yang menjadi asas dalam menggali hukum syarak daripada dalil-dalilnya yang terperinci. Ia menghubungkan antara teks wahyu (al-Qur'an dan al-Sunnah) dengan realiti hukum yang diputuskan oleh para fuqaha melalui kaedah ijihad. Dengan memahami usul fiqh, seseorang mampu membezakan antara dalil yang *qat'i* (pasti) dan *zanni* (anggapan), serta menilai keabsahan sesuatu hukum (al-Shātibī, 1997; Kamali, 2003). Dalam konteks kontemporari, usul fiqh berperanan penting dalam menilai fenomena baharu seperti kecerdasan buatan (AI) untuk memastikan hukum yang digariskan bertepatan dengan prinsip syariah.

Dalam disiplin Usul Fiqh, sumber autoriti seperti al-Qur'ān, al-Sunnah, Ijma', dan Qiyās serta kelayakan seorang mujtahid merupakan asas utama dalam penetapan hukum. Walaupun kecerdasan buatan (AI) mampu menganalisis teks secara kuantitatif, ia tidak memiliki sifat mukallaf, ijazah keilmuan, pemahaman konteks fiqh secara menyeluruh ataupun sanad keilmuan. Oleh itu, AI hanya berfungsi sebagai alat sokongan analisis dan bukan sebagai pengganti mujtahid atau mufti.

Al-Bakri telah memperkenalkan watak digital seperti AI Dr. Munir dan AI Dr. Munirah sebagai medium pendidikan dan penerangan isu-isu agama berasaskan teknologi, namun beliau turut menegaskan bahawa AI tidak mempunyai empati, tanggungjawab keilmuan, atau kefahaman konteks mendalam yang menjadi ciri penting seorang mufti (Al-Bakri, 2023; Yahya, 2025). AI juga tidak mempunyai sanad, autoriti keilmuan, atau kefahaman etika yang menjadi asas dalam proses pengeluaran fatwa. Sebaliknya, ia hanya berfungsi berdasarkan algoritma dan data tanpa sebarang tanggungjawab moral atau syariah. Justeru, penggunaannya mesti dikawal dan tidak

boleh dijadikan pengganti ulama kerana berisiko membawa kemudaratannya dari sudut syariah dan moral (Omar et al., 2024).

Tambahan pula, sistem fatwa di Malaysia khususnya yang dikendalikan oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan menegaskan bahawa AI hanya boleh berperanan sebagai alat bantu, manakala pengesahan syariah dan keputusan akhir tetap mesti dilakukan oleh mufti atau ulama yang berautoriti (Institute for Artificial Intelligence & Big Data, 2025).

Wan Khairuldin (2018) mengemukakan empat kriteria penyelidik Muslim yang berasaskan kelayakan mufti. Pertama, beriman dan yakin kepada ajaran Islam. Kedua, memiliki kelayakan bertindak yang sempurna. Ketiga, bersifat adil dan berakhlak Islam ketika menjalankan penyelidikan dan keempat, menguasai bahasa serta kaedah penyelidikan dengan berpaksikan maqāṣid syariah. Beliau mencadangkan agar kriteria ini dijadikan asas khusus bagi penyelidik Muslim, yang perlu diperhalusi supaya wujud garis panduan jelas dalam kajian berkaitan Islam.

Selaras dengan itu, fatwa hanya boleh dikeluarkan oleh mufti yang layak, iaitu seorang Muslim mukallaf yang baligh, faqih (berilmu mendalam), berakhlak baik dan amanah serta memahami proses istinbāt hukum. Syarat-syarat ini meliputi identiti sah sebagai Muslim, keseimbangan emosi dan integriti moral serta kemampuan bukan sahaja dalam memahami dalil tetapi juga dalam menguasai metodologi fiqh dan maqāṣid syariah. Menurut garis panduan Jabatan Mufti Perak, kelayakan seorang mufti merangkumi mukallaf (baligh dan bertanggungjawab syarak), seorang Muslim yang amanah, bebas daripada sifat fasik, waras, benar dalam proses istinbāt serta peka terhadap keperluan pelbagai golongan masyarakat termasuk wanita, orang kelainan upaya (OKU) dan pihak lain yang memerlukan bimbingan hukum (Jabatan Mufti Negeri Perak, t.t.).

Sehubungan itu, AI hanyalah sesuai digunakan sebagai alat sokongan, bukan sebagai pengganti mujtahid atau mufti. Prinsip ini turut diperkukuh melalui Majlis Tausiah bertajuk “Penggunaan AI Dalam Fatwa” anjuran Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, yang menjelaskan bahawa meskipun AI dapat mempercepat proses analisis dan pengeluaran fatwa, peranan akhirnya tetap berada di tangan mufti sebagai manusia yang berilmu, berautoriti dan sah dari sudut syariah. Tambahan pula, para sarjana menegaskan keperluan membangunkan kerangka etika yang jelas dalam penggunaan AI bagi tujuan fatwa, agar teknologi ini berfungsi untuk memelihara autoriti serta tanggungjawab manusia iaitu sebagai pelengkap kepada peranan ulama dan bukan sebagai penggantinya (Ab Rahim et al., 2025).

Analisis menurut perspektif Qawaid al-Fiqhiyyah

Qawā'id fiqhiyyah merujuk kepada prinsip umum yang digubal daripada nas syarak dan ijtihad ulama yang berfungsi sebagai panduan praktikal untuk menyelesaikan isu fiqh yang pelbagai. Ia tidak menghasilkan hukum baharu secara langsung, tetapi menjadi asas yang memudahkan penetapan hukum terhadap masalah-masalah semasa dengan berpandukan garis panduan yang seragam. Kaedah fiqh seperti *al-yaqin la yuzalu bi al-shakk* (keyakinan tidak dihilangkan dengan keraguan) dan *al-darar yuzal* (kemudaratannya mesti dihapuskan) membuktikan fleksibiliti syariah dalam menangani cabaran kehidupan moden (al-Suyuti, 1990; al-Zarqa, 2004). Dalam konteks penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pembelajaran ilmu Islam, beberapa kaedah fiqh utama boleh diaplikasikan untuk menilai keharusan, manfaat dan risiko teknologi ini.

Kaedah yang pertama adalah *al-Aslu fi al-Ashya' al-Ibahah* iaitu asal sesuatu perkara adalah harus. Kaedah ini menunjukkan bahawa hukum asal bagi sesuatu perkara duniawi ialah harus,

kecuali terdapat dalil yang mengharamkannya (al-Zarqa, 2004). Oleh itu, penggunaan AI dalam pembelajaran ilmu Islam secara asasnya adalah dibenarkan. Walaupun begitu, keharusan ini bersyarat iaitu AI tidak boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat yang bercanggah dengan akidah atau syariah. Sebagai contoh, menggunakan AI untuk membantu pelajar memahami tajwid melalui aplikasi interaktif adalah harus, selagi kandungannya sahih dan diawasi guru.

Kaedah kedua adalah *al-‘Adah Muhakkamah* iaitu adat atau kebiasaan boleh menjadi hukum. Kaedah ini menekankan bahawa sesuatu ‘uruf atau kebiasaan masyarakat boleh dijadikan pertimbangan hukum selagi tidak bercanggah dengan syariah (al-Suyuti, 1990). Penggunaan AI semakin menjadi kebiasaan dalam masyarakat moden termasuk dalam pendidikan. Maka, penerimaan AI sebagai medium pembelajaran agama boleh diterima syarak selagi dikawal sumbernya. Antara aplikasi yang menjadi kelaziman dalam pembelajaran pada masa kini dapat dilihat menerusi Chatbot AI yang digunakan sebagai tutor al-Quran di sekolah agama. Menerusi kaedah ini, ia boleh diterima kerana memenuhi keperluan zaman digital.

Kaedah ketiga yang terkait dalam perbincangan konteks ini adalah kaedah *al-Umur Bimaqasidiha* yang membawa maksud setiap perkara bergantung kepada tujuannya. Kaedah ini menekankan bahawa hukum sesuatu tindakan bergantung pada niat dan tujuan (al-Sa’di, 2000). Jika AI digunakan dengan niat memperluas akses ilmu dan mendekatkan umat kepada agama, maka ia dikira ibadah yang berpahala. Namun, jika digunakan untuk tujuan penyelewengan atau hiburan yang melalaikan, hukumnya boleh berubah menjadi haram. Menggunakan AI untuk menghasilkan konten tafsir palsu dengan tujuan komersial adalah suatu contoh perbuatan yang dihukum haram kerana niatnya bertentangan dengan maqasid syariah.

Seterusnya, kaedah keempat adalah *al-Mashaqqah Tajlibu al-Taysir* iaitu kesukaran membawa kemudahan. Islam memberi rukhsah apabila wujud kesulitan (Ibn Nujaym, 1983). AI boleh dianggap sebagai alat yang memberi kemudahan kepada pelajar dan guru terutama golongan yang berada di kawasan pedalaman yang sukar mendapat akses guru pakar. Maka, penggunaan AI dalam pendidikan Islam selari dengan kaedah ini kerana ia mengurangkan kesukaran dalam menuntut ilmu. Menerusi aplikasi AI akan membolehkan pelajar luar bandar mengakses kelas pengajian hadis secara maya. Hal ini menunjukkan *taysir* (kemudahan) diharuskan apabila terdapat kesulitan.

Al-Darar Yuzal iaitu kaedah kelima membawa maksud kemudahan mesti dihapuskan. Kaedah ini menetapkan bahawa sebarang kemudahan perlu dielakkan atau diminimumkan (al-Zarqa, 2004). Dalam konteks AI, risiko penyebaran maklumat palsu, *bias* algoritma dan pencerobohan data peribadi pelajar merupakan suatu bentuk mudarat. Oleh itu, sistem AI mesti diaudit dan dikawal agar tidak menimbulkan kerosakan kepada akidah, moral dan keselamatan data pengguna. Sekiranya aplikasi AI memberikan jawapan bercanggah dengan ijma’ ulama, maka penggunaannya mesti dihentikan atau diperbetulkan.

Kaedah yang terakhir yang boleh diaplikasikan dalam perbincangan ini adalah *Al-Yaqin La Yuzalu Bissyak* iaitu keyakinan tidak hilang dengan keraguan. Kaedah ini mengajar bahawa sesuatu yang pasti tidak boleh dibatalkan hanya kerana keraguan (al-Suyuti, 1990). Oleh itu, ilmu yang diperoleh daripada sumber sahih seperti al-Qur’an, hadis, dan kitab muktabar tidak boleh ditolak semata-mata kerana AI menghasilkan jawapan yang berbeza atau meragukan. AI hanya boleh menjadi pelengkap, bukan pengganti keyakinan ilmu berautoriti. Sebagai contoh,

jika AI memberi tafsiran berbeza tentang satu ayat, tetapi tafsir klasik sudah jelas dan disepakati, maka tafsir klasik kekal diutamakan.

Berdasarkan kaedah-kaedah yang dikemukakan, penggunaan AI dalam pembelajaran ilmu Islam dilihat selaras dengan kaedah fihiyyah, selagi ia berpaksikan niat yang benar (*al-umūr bimaqasidiha*), menjadi adat yang bermanfaat (*al-'ādah muḥakkamah*), memudahkan urusan (*al-mashaqqah tajlibu al-taysir*) dan tidak menimbulkan mudarat (*al-darar yuzal*). Namun, prinsip *al-yaqīn la yuzalu bissyak* menegaskan bahawa AI tidak boleh menggugat autoriti ilmu Islam yang pasti dan *qat'ie*. Maka, AI mesti diletakkan sebagai alat sokongan yang memerlukan pengawasan ulama.

Analisis dari perspektif Maqasid Syariah

Maqāṣid al-Sharī'ah bermaksud objektif dan tujuan utama syariah dalam menetapkan hukum. Para ulama merumuskan bahawa maqasid bertujuan menjaga lima perkara asas iaitu agama (*ḥifẓ al-dīn*), nyawa (*ḥifẓ al-nafs*), akal (*ḥifẓ al-'aql*), keturunan (*ḥifẓ al-nasl*) dan harta (*ḥifẓ al-māl*). Pendekatan maqasid membolehkan ulama menilai masalah (kebaikan) dan mafsadah (kemudaratan) dalam isu-isu kontemporari, termasuk penggunaan teknologi baharu. Dengan berpandukan maqasid, penggunaan AI dalam pembelajaran Islam dapat dinilai bukan sekadar dari sudut hukum literal, tetapi juga kesannya terhadap kesejahteraan umat secara menyeluruh (al-Ghazali, 1997; Auda, 2008).

Menjaga Agama

Antara lima objektif utama Maqāṣid Sharī'ah adalah *Ḥifẓ al-Dīn*, iaitu memelihara agama melalui pelaksanaan tanggungjawab agama tanpa menyulitkan individu. Ini termasuk penerapan asas seperti memastikan kewajipan agama dilaksanakan dengan mudah dan sesuai dengan keadaan masyarakat (Alias et al, 2024). Dalam era digital, kecerdasan buatan (AI) membuka peluang besar untuk mencapai objektif tersebut secara lebih meluas dan efisien. Teknologi seperti tafsir digital, latihan *qirā'at* interaktif, chatbot pembelajaran dan aplikasi pendidikan interaktif menyediakan akses kepada penyampaian ajaran agama yang lebih mesra digital serta adaptif dengan gaya hidup semasa.

Kajian oleh Kabir et al. (2024) menunjukkan bahawa aplikasi gaya hidup Islam moden pada era AI ini berpotensi menyokong penghayatan agama secara berkesan, khususnya jika direka bentuk dengan ciri seperti panduan ulama, interaksi komuniti, dan peringatan spiritual yang bersesuaian, sehingga membentuk “teman spiritual” digital bagi pengguna. Begitu juga, Mustapha dan Malkan (2025) mengesahkan bahawa AI mampu menyokong penghayatan agama dengan cara yang menyeronokkan dan efektif, selagi ia dibangunkan dengan pengawasan etika dan berpandukan prinsip syariah.

Walau bagaimanapun, jika tafsir digital atau latihan interaktif tidak disaring atau dipantau oleh ulama yang kompeten, terdapat potensi penyebaran maklumat agama yang tidak sahih yang akhirnya boleh menjejaskan akidah umat. Kajian oleh Nasir et al. (2024) menegaskan bahawa penggunaan ChatGPT dalam pembelajaran al-Qur'ān hendaklah disertai dengan konsultasi bersama ahli tafsir bagi memastikan interpretasi yang dihasilkan benar-benar tepat dan bertepatan dengan maksud al-Qur'ān.

Tambahan pula, Jamal dan Zakaria (2023) menekankan kepentingan mewujudkan garis panduan Syariah yang ketat agar tidak berlaku pemindahan legitimasi daripada sanad keilmuan tradisional kepada autoriti algoritma semata-mata. Seiring dengan itu, konsep *Ta'dīb* sebagai

landasan etika dalam pendidikan digital menegaskan bahawa AI perlu digunakan dengan adab dan tanggungjawab, bukan sekadar untuk mempercepat atau memudahkan penyampaian tetapi juga untuk memastikan kandungan agama disampaikan dengan penuh hormat dan berlandaskan kesahihan (Abdullah et al., 2025).

Menjaga Akal

Hifz al-‘Aql merujuk kepada usaha memelihara akal melalui pengembangan ilmu, pemikiran kritis, serta perlindungan daripada sebarang unsur yang boleh melemahkan keupayaan intelektual. Dalam konteks pendidikan, kecerdasan buatan (AI) berpotensi besar menyokong proses pembelajaran yang lebih tersusun dan mendalam dengan menyediakan akses mudah kepada sumber ilmiah yang berkualiti. Pendekatan ini secara langsung dapat memperkukuh daya intelektual pelajar selari dengan prinsip *Hifz al-‘Aql* yang menekankan kepentingan menjaga dan mengembangkan akal untuk tujuan kebaikan.

AI membuka peluang untuk semua orang mengakses ilmu yang sebelum ini sukar dicapai, sekali gus mendorong pembelajaran sepanjang hayat. Ia juga membantu berfikir lebih kritikal dengan menganalisis isu dari pelbagai sudut, menilai bukti dengan lebih tepat, dan membuat keputusan yang lebih bijak. Selain itu, AI boleh menjadi “rakan berfikir” yang membantu kita menjana idea, merancang strategi, dan mencuba hipotesis baharu tanpa menenggelamkan kreativiti manusia.

Walau bagaimanapun, ketergantungan berlebihan terhadap AI (*over-reliance*) berisiko melemahkan keupayaan pelajar untuk berfikir secara kritis dan menilai dalil secara mandiri. Dari perspektif etika Islam dan falsafah pendidikan, teknologi seharusnya berfungsi sebagai alat bantu, bukannya pengganti peranan akal manusia.

Kajian oleh Mohadi dan Tarshany (2023) menegaskan bahawa pembangunan dan penggunaan AI mesti dibangunkan berasaskan kerangka Maqāṣid al-Sharī‘ah, khususnya *Hifz al-‘Aql* bagi mengelakkan kerosakan terhadap nilai intelektual dan kemampuan kritis manusia. Tambahan pula, Maqāṣid al-Sharī‘ah perlu dijadikan panduan etika utama dalam pembangunan teknologi moden termasuk AI supaya penggunaannya sentiasa selari dengan prinsip Islam (Jamal & Zakaria, 2023).

Hifz al-‘aql yang dikehendaki dalam maqasid syariah adalah bagi memastikan akal sentiasa digunakan dan dipelihara untuk berfikir dengan tepat, membuat keputusan yang bijak dan memahami ilmu mengikut panduan syariah. AI bukanlah pengganti akal, sebaliknya hanya peranti yang dikawal dan dipandu oleh akal manusia. Keputusan akhir tetap memerlukan pertimbangan nilai yang tidak dimiliki oleh mesin. Hal ini selari dengan maqāṣid al-sharī‘ah yang menekankan kepentingan *hifz al-‘aql* agar akal digunakan untuk kebaikan bukan kemudaratannya. Justeru, pengembangan akal fikiran, sama ada dalam aspek material mahupun spiritual, amat dititikberatkan dengan menambah pengetahuan sebagai teras (Sa‘ādat, 2011).

Menjaga Harta

Hifz al-Māl, salah satu daripada lima objektif utama Maqāṣid al-Sharī‘ah, merujuk kepada usaha memelihara harta dan sumber kekayaan secara beretika untuk kesejahteraan individu dan masyarakat. Menurut Alias et al. (2024), penggunaan sains dan teknologi perlu selari dengan prinsip Maqāṣid termasuk *Hifz al-Māl* agar inovasi teknologi tidak melanggar nilai syariah tetapi membina keutamaan kebaikan (*jalbu al-maslahah*) dan menolak kemudaratannya (*dar’u al-mafسادah*).

Dalam konteks ini, kecerdasan buatan (AI) membuka peluang besar untuk menyampaikan kursus secara percuma dan menyediakan sumber terbuka seperti *e-learning*, bahan video dan modul interaktif. Ini selari dengan prinsip *Hifz al-Māl*, kerana teknologi sebegini memudahkan pelajar memperoleh ilmu tanpa menambah beban kewangan terhadap keluarga sekaligus memperluas akses pendidikan kepada golongan berpendapatan rendah dan menjaga kesejahteraan ekonomi mereka.

Namun, penggunaan AI dalam pendidikan perlu diimbangi dengan perhatian serius terhadap privasi dan keselamatan data pelajar. Isu privasi data dan etika perlu diambil berat kerana aplikasi AI yang bergantung kepada pengumpulan data secara meluas menimbulkan kebimbangan berkaitan privasi pelajar dan keselamatan maklumat mereka. Pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia (PDPA) serta garis panduan etika AI yang ketat amat diperlukan untuk membina kepercayaan dalam penggunaan AI dalam pendidikan (Abas, 2025). Jika data disalahgunakan untuk tujuan komersial seperti penjualan kepada pihak ketiga, iklan tidak beretika, atau model perkhidmatan berbayar yang mengeksploitasi data pelajar, ia akan menyalahi prinsip *Hifz al-Māl* kerana data peribadi pelajar merupakan aset individu yang wajib dilindungi.

Menjaga Nyawa dan Keturunan

Hifz al-Nafs (memelihara nyawa) dan *Hifz al-Nasl* (memelihara keturunan) termasuk dalam kalangan daruriyyāt lima objektif asasi Maqāsid al-Sharī'ah yang mesti dijaga demi keberlangsungan umat Islam secara rohani dan jasmani. *Hifz al-Nafs* adalah prinsip yang wajib diperjuangkan dalam segala aspek Syariah termasuk pendidikan dan teknologi (Alias et al., 2024). Sebagaimana dinyatakan oleh Imam al-Shāṭibī melalui pendekatan maqāsid, tujuan Syariah adalah menjamin manfaat serta menolak kemudaratkan mengukuhkan kedudukan *Hifz al-Nafs* dan *Hifz al-Nasl* dalam semua inisiatif Islam kontemporari (Don et al., 2021).

Dalam konteks pendidikan, teknologi AI membolehkan pelajar mengakses kuliah, siri pengajian dan bahan pembelajaran agama secara dalam talian pada kos rendah atau percuma. Akses mudah kepada syarahan dan panduan agama ini membantu pelajar membentuk akhlak serta kefahaman akidah yang lebih baik. Keadaan ini secara langsung menyokong *Hifz al-Nafs* dan *Hifz al-Nasl* melalui pengukuhan integriti diri dan pembangunan nilai kekeluargaan.

Walau bagaimanapun, penggunaan AI yang menyampaikan teks agama bercampur atau tidak bersumber dengan jelas berisiko menimbulkan kekeliruan, melemahkan kefahaman akidah, serta menggalakkan amalan agama yang tidak sah. Hal ini merupakan satu bentuk mafsadah terhadap nyawa rohani dan kesinambungan keturunan sekali gus menjejaskan prinsip *Hifz al-Nafs* dan *Hifz al-Nasl*. Kajian oleh Adawiah et al. (2023) menegaskan bahawa aplikasi seperti ChatGPT cenderung mengulang kandungan generik, mengandungi kesilapan dan bersifat tidak lengkap dalam penyampaian maklumat agama yang boleh merosakkan integriti ilmu Islam.

Selain itu, penggunaan AI tanpa pengawasan insan berautoriti boleh mengurangkan interaksi autentik antara guru dan pelajar, melemahkan kefahaman mendalam dan membataskan penghayatan iman. Oleh itu, sebarang aplikasi AI dalam pendidikan agama perlu dipantau secara teliti serta diselia oleh pihak yang berautoriti agar kandungan yang disampaikan kekal sah, tepat dan memberi makna dalam usaha mengukuhkan *Hifz al-Nafs* dan *Hifz al-Nasl*.

Garis Panduan Penggunaan AI dalam Pembelajaran Ilmu Islam

Berdasarkan analisis *uṣūl al-fiqh*, *maqāṣid al-Sharī‘ah* dan *qawā‘id fiqhiyyah*, penggunaan AI dalam pendidikan dan penyelidikan Islam mestilah diposisikan sebagai alat sokongan (*supporting tool*), bukannya pengganti peranan manusia berautoriti.

AI sebagai alat bantu

Penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pembelajaran Islam hendaklah difahami sebagai alat bantu, bukannya pengganti ulama atau mujtahid dalam *ijtihād* atau pengeluaran fatwa. Ini selari dengan kaedah *fiqh* klasik *al-Umūr bi-Maqāṣidihā* yang menegaskan bahawa segala urusan tergantung kepada niat dan tujuan asalnya bukan semata-mata kecekapan teknikal (al-Sa‘di, 2000). Prinsip ini menekankan pentingnya niat dalam menentukan status syariah sesuatu tindakan.

Selain itu, rangka etika Islam semakin diperkukuh melalui *maqāṣid al-Sharī‘ah* yang menekankan lima tujuan utama syariah iaitu penghormatan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta yang perlu dipelihara dalam setiap inovasi, termasuk penggunaan AI (Auda, 2008). Jika AI digunakan untuk mempercepatkan penyelidikan, menyusun data atau menyediakan cadangan awal dalam penulisan dan kajian Islam, maka ia adalah wajar selagi dilaksanakan dengan niat yang benar dan masih dalam kerangka *maṣlaḥah* iaitu membawa manfaat dan menjauhi sebarang bentuk kemudaratan (Elmahjub, 2023).

Walau bagaimanapun, teknologi AI tidak memiliki sifat mukallaf seperti kemampuan berfikir secara kritis, empati atau tanggungjawab moral. Oleh itu, keputusan akhir dalam soal fatwa dan interpretasi *fiqh* mesti kekal dalam bidang kuasa ulama atau mujtahid yang berkeelayakan (Ahmed, 2021; Nor Jamal & Zakaria, 2023). Tanpa pengawasan manusia, AI berisiko menghasilkan maklumat agama yang tidak tepat, penyampaian yang kurang sahih, atau mencampuradukkan pandangan mazhab secara tidak terperinci. Akhirnya menyebabkan muncul maklumat palsu, termasuk dalam konteks pendidikan Islam, serta ancaman terhadap kredibiliti dan ketulenan ilmu apabila sanad dan sumber tidak ditelusuri dengan betul (Munshi et al., 2021).

Pemilihan dan Penapisan Dataset

Dalam konteks pembelajaran Islam, kualiti dan ketulenan dataset yang digunakan memegang peranan penting dalam memastikan ketepatan dan kesahihan output pembelajaran. Untuk itu, beberapa garis panduan praktikal merupakan keperluan yang tidak boleh diabaikan. Pertama, sumber dataset mesti datang daripada bahan yang diakui autoriti seperti kitab muktabar, tafsīr al-Qur’ān yang diiktiraf serta hadis sahih atau hasan yang diterima secara meluas oleh ulama (Kamali, 2003). Tambahan pula, karya akademik moden dan fatwa rasmi daripada institusi mufti perlu dijadikan rujukan utama. Langkah ini selari dengan prinsip *fiqh mā lā yatimm al-wājib illā bihi fahuwa wājib* yang menuntut bahawa kesahihan ilmu tidak dapat dicapai tanpa berpandukan sumber yang diiktiraf (al-Zarqa, 2004).

Kedua, pelaksanaannya seharusnya disertai dengan mekanisme audit syariah secara berkala bagi menapis sebarang kandungan yang berpotensi bertentangan dengan akidah, syariah, atau adab Islam. Prinsip *ṣadd al-dharā‘i‘* menegaskan bahawa apa jua kandungan yang boleh menimbulkan kekeliruan atau fitnah agama mesti ditolak sebelum digunakan sebagai sumber rujukan (al-Suyuti, 1990). Dengan pendekatan ini, prinsip *Hifẓ al-Dīn* dan *Hifẓ al-‘Aql* dapat dijamin kerana penuntut ilmu dilindungi daripada pendedahan kepada maklumat yang salah atau mengelirukan. Selain itu, langkah ini secara langsung menyokong prinsip mendatangkan

manfaat dan menolak kemudaratatan, menjadikan penggunaan dataset sebagai alat bantu pembelajaran Islam yang berfaedah bukan sebaliknya.

Integrasi Maqāsid dalam Reka Bentuk

Dalam reka bentuk pembelajaran Islam, setiap elemen termasuk ciri dan fungsi AI harus diintegrasikan secara mendalam dengan maqāsid al-Sharī'ah, agar ia menyumbang kepada pemeliharaan agama, akal, dan harta dan sebaliknya menghindari implikasi negatif terhadap pengguna (Auda, 2008). Prinsip maqāsid menggariskan lima perlindungan dasar ini perlu menjadi asas dalam menilai sistem atau teknologi institusi pendidikan Islam. Dalam konteks ini, reka bentuk sistem mestilah memperkukuh kefahaman agama, merangsang kemampuan analisis kritikal pelajar dan memastikan akses ilmu yang adil tanpa membebankan kos (Rauib et al., 2022). Pendekatan ini sejajar dengan prinsip menolak kemudaratatan dan mendatangkan kemaslahatan sekaligus memberikan panduan sewajarnya kepada pembangunan fungsi pendidikan Islam dalam era inovasi.

Setiap fungsi atau ciri baharu harus dinilai melalui keseimbangan antara manfaat dan bahaya. Ciri yang memberikan manfaat besar kepada pendidikan dan tidak bercanggah dengan prinsip syariah boleh diterima, manakala yang berpotensi merosakkan akidah, akhlak atau membawa manipulasi data harus ditolak. Prinsip fiqh *al-darar yuzāl* iaitu kemudaratatan mesti dihilangkan berperanan sebagai asas dalam proses penilaian ini (al-Zarqa, 2004).

Ketelusan dan Kebolehan Jejak Balik (Traceability)

Ketelusan dan kebolehan menjejak balik sumber merupakan elemen penting dalam memastikan penggunaan AI dalam pembelajaran Islam kekal sahih, boleh dipercayai dan menghormati autoriti ilmu. Segala jawapan yang disediakan oleh AI hendaklah disertakan dengan rujukan sumber asal seperti tafsīr al-Qur'ān, kitab muktabar, hadis sahih atau hasan, fatwa rasmi atau karya akademik yang diiktiraf. Langkah ini selaras dengan prinsip fiqh *al-bayyinah 'alā man yudda 'ā* yang menuntut bahawa setiap dakwaan perlu disokong dengan dalil jelas dan asli (al-Suyuti, 1990).

Selain itu, log interaksi antara AI dan pengguna harus disimpan secara sistematik. Ini membolehkan semakan akademik yang teliti, pengesanan *bias* dan penilaian semula ketepatan jawapan AI sejajar dengan kaedah *al-Umūr bi-Maqāsidihā* yang menekankan bahawa setiap tindakan dinilai berdasarkan tujuan asalnya, yakni memperkukuh ketelusan dan keberkesanan pendidikan (al-Sa'di, 2000).

Dengan menyediakan rujukan yang sahih dan rekod jejak balik yang terurus, prinsip-prinsip penting maqāsid seperti memelihara agama melalui ketepatan sumber, memelihara akal melalui data yang jelas dan boleh disemak, dan memelihara harta dengan mencegah kerugian akibat maklumat salah dapat terpelihara (Elmahjub, 2023). Ini memastikan AI berfungsi sebagai alat bantu yang bermanfaat seiring dengan etika syariah.

Pendidikan Literasi AI untuk Pengguna

Bagi memastikan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan Islam benar-benar bermanfaat dan tidak menjejaskan prinsip syariah, pelajar dan guru perlu diberikan pendidikan literasi asas AI. Kedua-dua pihak mesti memahami cara AI berfungsi, kemampuan dan batasanannya agar tidak bergantung secara mutlak kepada AI (*over-reliance*), sebaliknya memanfaatkannya sebagai alat sokongan dalam pembelajaran dan penyelidikan. Pendekatan ini seiring dengan kaedah *al-wasā'il lahā aḥkām al-maqāsid* iaitu setiap wasilah (alat) seperti AI

perlu digunakan secara terkawal untuk mencapai tujuan yang sah secara syariah (Abu Naser, 2019).

Modul literasi AI ini boleh dirangka dan dimasukkan ke dalam kurikulum teknologi maklumat di sekolah agama, universiti, dan institusi pengajian tinggi Islam. Tujuannya adalah untuk membekalkan bakal pendidik, pelajar dan penyelidik Islam dengan pemahaman teknikal, etika dan syariah berkaitan AI (Hermansyah et al., 2023). Dengan cara ini, ia mendukung pelaksanaan prinsip memelihara agama melalui pemantauan ilmu, memelihara akal melalui pemikiran kritis, dan memelihara harta dengan mencegah kerugian akibat penggunaan yang tidak wajar, sekaligus memastikan AI dapat digunakan untuk tujuan maslahat, bukan sebaliknya.

Kawalan Etika dan Privasi Data

Penggunaan AI dalam pembelajaran Islam perlu dipandu oleh garis panduan etika yang ketat terutamanya melibatkan aspek privasi dan keselamatan data pengguna. Para pembangun sistem bertanggungjawab memastikan data peribadi dilindungi melalui penyulitan (*encryption*) dan mekanisme keselamatan siber yang kukuh bagi menghalang sebarang bentuk eksploitasi data untuk tujuan komersial tanpa kebenaran (Hermansyah et al., 2023). Perlindungan ini adalah manifestasi dari prinsip pemeliharaan harta di mana data peribadi dianggap sebagai aset berharga yang wajib dijaga daripada disalah guna.

Selain itu, penggunaan AI juga mesti mematuhi undang-undang perlindungan data tempatan seperti Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA 2010) di Malaysia serta mengambil kira piawaian antarabangsa selagi tidak bertentangan dengan syariah. Ini sesuai dengan prinsip fiqh *al-darar yuzāl*. Sebarang kebocoran atau penyalahgunaan maklumat peribadi perlu dicegah melalui langkah legal dan etika yang sistematik (Nor Jamal & Zakaria, 2023).

Penetapan kawalan etika dan privasi data seperti ini turut memastikan prinsip memelihara agama terpelihara kerana pelajar dan pendidik tidak diheret ke dalam manipulasi maklumat. Pemeliharaan akal turut dipenuhi kerana hanya data yang sah dan aman disediakan untuk pembelajaran. Manakala memelihara harta pula dipelihara melalui mencegah kerugian atau penyalahgunaan data yang mungkin memberi implikasi kewangan atau reputasi.

Kesimpulan

Pembelajaran ilmu Islam pada hari ini dengan kewujudan AI seiring dengan peredaran zaman tidak dapat dipisahkan. Justeru, suatu garis panduan dicadangkan agar AI dapat digunakan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya di samping menghindari kemudaratannya yang boleh menjejaskan kesejahteraan agama. Garis panduan ini dapat disimpulkan seperti berikut:

1. AI sangat bermanfaat untuk mempercepat analisis dan penyampaian ilmu, tetapi ia tidak boleh menggantikan ulama atau mufti dalam memberikan hukum. Oleh itu, ia mesti dilihat hanya sebagai alat bantu yang fungsinya tertakluk kepada semakan dan pengesahan pihak berautoriti syariah.
2. Dataset AI untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan Islam wajib dipilih daripada sumber sah serta diaudit secara syariah agar penggunaannya benar-benar menyumbang kepada pemeliharaan agama, akidah dan akhlak bukannya menjadi alat penyebaran kekeliruan.
3. Integrasi maqāṣid dalam reka bentuk sistem AI disarankan bagi memastikan teknologi yang dibangunkan benar-benar menyumbang kepada kebaikan ummah, selari dengan syariah sambil menutup ruang kepada kemudaratannya dari aspek agama, akal dan harta.

4. Ketelusan dan kebolehan jejak balik menjadikan AI bukan sahaja alat bantu pembelajaran, tetapi juga instrumen akademik yang sah, berintegriti dan berlandaskan prinsip syariah.
5. Pendidikan literasi AI merupakan langkah pencegahan dan pemeraksanaan. Dengan pengetahuan yang jelas mengenai fungsi, batas dan risiko AI, pengguna dapat mengendalikan teknologi secara bertanggungjawab sekaligus memastikan penggunaannya kekal bermanfaat, beretika dan patuh syariah.
6. Kawalan etika dan perlindungan data merupakan aspek kritikal dalam pembangunan AI berasaskan syariah. Ia memastikan AI bukan sahaja berfungsi dengan cekap, tetapi juga menjaga maruah, keselamatan, dan kepentingan pengguna sesuai dengan maqāsid syariah.

Sebagai rumusannya, Islam membenarkan penggunaan teknologi selagi tidak bercanggah dengan Syariah. Kecerdasan buatan (AI) berpotensi besar sebagai alat sokongan dalam pengajaran, pengindeksan teks dan analisis perbandingan. Namun, AI tidak boleh menggantikan peranan mujtahid dan ulama kerana kekurangan kefahaman kontekstual, ketiadaan empati serta ketiadaan autoriti ilmu. Dengan itu, peranan ahli agama tetap penting untuk menambah, menyusun dan memastikan maklumat yang sah dimasukkan ke dalam aplikasi AI. Pada masa yang sama, masyarakat awam turut berperanan menapis data serta mendapatkan pengesahan daripada pihak berautoriti agar penggunaan AI benar-benar selari dengan prinsip syariah dan tidak menimbulkan kekeliruan dalam agama.

Justeru, garis panduan penggunaan AI terutamanya dalam pembelajaran ilmu Islam ini dicadangkan kepada pihak-pihak berautoriti seperti badan fatwa dan autoriti syariah, pembangun teknologi, industri dan aplikasi AI Islamik, kementerian dan agensi kerajaan seperti JAKIM dan Kementerian Pendidikan Malaysia termasuklah Institusi-Institusi Pendidikan Islam, badan-badan antarabangsa dan juga masyarakat awam sebagai panduan umum bagi memastikan amalan pembelajaran ilmu Islam pada era AI ini dapat menghindari kemudaratan dan memberi kemaslahatan sejagat.

Penghargaan

Terima kasih kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan atas sokongan padu dalam menyediakan kemudahan dan bantuan yang amat diperlukan bagi menyempurnakan penyelidikan ini. Penghargaan turut dirakamkan atas sumbangan rakan penyelidik serta semua pihak yang telah mencurahkan idea, masa dan kepakaran demi memastikan kelancaran proses pengumpulan serta analisis data. Kajian ini tidak mungkin dapat diselesaikan dengan jayanya tanpa komitmen dan kerjasama tidak berbelah bahagi daripada semua yang terlibat.

Rujukan

- Abas.H. (2025). Kecerdasan buatan ubah landskap pembelajaran di Malaysia. UTMNewsHub. <https://news.utm.my/2025/02/kecerdasan-buatan-ubah-landskap-pembelajaran-di-malaysia>
- Ab Rahim, S. F., Ab Rahman, M. F., Thaidi, H. A. A., Mohd, N. N. M. A. N., & Jailani, M. R. (2025). Artificial intelligence for fatwa issuance: Guidelines and ethical considerations. *Journal of Fatwa Management and Research*, 30(1), 76-100.
- Abdullah, S. R., Nik Daud, N. L. M., Ismail, I. A., Daud, M. B. H., & Abdullah, M. M. N. (2025). Transformasi Ai Dalam Pedagogi Pembelajaran Digital: Menyeimbangkan Inovasi Teknologi Dan Prinsip Etika Melalui Konsep Ta'dib. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 448-456.
- Abdul Malik Sani & Muhammad Dayyabu Abdulmumini, (2025). The Role of Artificial Intelligence (AI) and Digital Technology in Aunthenticating and Preserving Hadith Literature. *Middle East Journal of Islamic Studies and Culture* ISSN: 2789-8652 (Print) & ISSN: 2958-2296
- Abu Naser, M. (2019). The role of wasilah in achieving maqasid in contemporary Islamic education. *International Journal of Islamic Thought*, 16(2), 45–57.
- Alias, M. A. A., Mohd Jailani, M. R., Wan Ismail, W. A. F., & Baharuddin, A. S. (2024). The integration of five main goals of Shariah in the production of science and technology for human well-being. *AL-MAQASID The International Journal of Maqāṣid Studies and Advanced Islamic Research*, 5(1), 1-16. <https://almaqasid.my/index.php/ojs/article/view/79>
- Amnah Saayah Ismail, Wan Kamal Mujani, Burhanuddin Jalal, Norlaila Mazura Hj. Mohaiyadin & Aida Nasirah Abdullah. (2018). Tradisi Keilmuan Pembina Karekter Ulama Melayu Abad Ke-19 Masihi. *E-Prosiding Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan PASAK3*. 23-24 April. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah: A Beginner's Guide*. London: The International Institute of Islamic Thought (IIIT)
- Al-Bakri, Z. (2023). Al-Mawaqif #23: Masa Depan Islam dan AI. Maktabah Al-Bakri. <https://zulkifli.albakri.com/22-masa-depan-islam-dan-ai/>
- Don, A. G., Puteh, A., & Mokhtar, A. I. (2021). Da'wah Approach Based on Maqasid al-Syariah in Building Community Well-Being. No.64. *Innovations*.
- Elmahjub, E. (2023). Artificial intelligence (AI) in Islamic ethics: Towards pluralist ethical benchmarking for AI. *Philosophy & Technology*, 36(4), 73.
- Gassal-Bosch, Ines. (2018). "The Quest for Islam in a Virtual Maze: How the Internet is Shaping Religious Knowledge among Young Muslims in Berlin-Kreuzberg." *The Oxford Middle East Review* 2.1 (2018): 28–51.
- al-Ghazali, A. H. (1997). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Hermansyah, M., Najib, A., Farida, A., Sacipto, R., & Rintyarna, B. S. (2023). Artificial intelligence and ethics: Building an AI system that ensures privacy and social justice. *International Journal of Science and Society*, 5(1), 154–168.
- Hosni, A., Arifin, M. F. M., & Ishak, H. (2023). Isu dan Cabaran CHATGPT Terhadap Pengajian Islam. *Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*. Vol 8:1
- Ibn Nujaym, Z. (1983). *Al-Ashbah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Institute For Artificial Intelligence and Big Data. (May 26, 2025) The Shariah Rulings on the Use of AI in Issuing Fatwas. <https://aibig.umk.edu.my/news-26-may-25-AIinIssuingFatwas.php#:~:text=The%20use%20of%20AI%20in%20the%20context%20of%20fatwa%20issuance,data%20analysis%20and%20textual%20comparisons>.

- Jabatan Mufti Negeri Perak. (t.t.). Mujtahid dan Kategorinya. https://mufti.perak.gov.my/images/minda_mufti/2021/artikel/mujtahid.pdf
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2024. Putrajaya: Malaysia. ISSN 2289- 7240. [/https://storage.dosm.gov.my/ictths/ictths_2024.pdf](https://storage.dosm.gov.my/ictths/ictths_2024.pdf)
- Jamal, M. H. N., & Zakaria, M. Z. (2023). Shariah guideline on artificial intelligence (AI) in fatwa issuance. In *SALAM Digest: Syariah and Law Undergraduate Symposium* (Vol. 1, No. 1, pp. 61-70).
- Kabir, M. K., Siddiqui, M. F., & Rahman, A. A. (2024). *Islamic lifestyle applications: Meeting the spiritual needs of modern Muslims*. arXiv.
- Kamali, M. H. (2003). *Principles of Islamic Jurisprudence* (3rd ed.). Cambridge: Islamic Texts Society.
- Mahdi Kasi Abdul Karim Al Janabi (2024). Artificial Intelligence in Quranic Exegesis: A Critical Analytical Study of ChatGPT Technology. Vol. 16 No. 2 (2024): *QURANICA - International Journal of Quranic Research* (December 2024)
- Manar Muhammad, Muhammad Zaki Sapuan dan Muhammad Haziq Jani. (2025). Etika Penggunaan Prompt Kecerdasan Buatan (AI) dalam Memelihara Kesahihan Pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Akidah, Fikah dan Tasawuf. *Jurnal Usuluddin* 53 (1) :75-98. Retrieved from <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol53no1.4>
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Huzaimah Ismail, Abd Munir Mohd Noh, Muhammad Yusri Yusof@Salleh, Paiz Hassan & Ahmad Bakhtiar Jelani. (2020). Manifestasi Kaedah Halaqah Pada Zaman Rasulullah SAW: Aplikasi Dalam Sistem Pengajian Pondok Terpilih di Negeri Kelantan. *UMRAN International Journal of Islamic and Civilization Studies*. Vol. 7, No. 2 (2020). Pp. 51- 67. Penerbit UTM Press
- Moh Mauluddin. (2024). Kontribusi Artificial Intellegance (AI) dalam Studi Al-Quran: Peluang dan Tantangan. *Madinah: Jurnal Studi Islam*. Volume 11, Nomor1, Juni 2024.
- Mohadi, M., & Tarshany, Y. (2023). Maqasid al-Shari'ah and the ethics of artificial intelligence: contemporary challenges. *Journal of Contemporary Maqasid Studies*, 2(2), 79-102.
- Muhammad Afiq Ikmal Bin Mohammad Sa'ad, Muhammad Syafiq Bin Fadzil, Afif Syakireen Bin Mohd Asri & Maisarah Saidin. (2023). Perbandingan Tentang Pengajaran & Pembelajaran Hadith Zaman Tabi'in dan Era ICT. *Konvensyen Kearifan Nusantara (ARIF) Prosiding*. 849 – 858. Penerbit USIM.
- Munshi, A. A., et al. (2021). Towards an automated Islamic Fatwa system: Survey, dataset and benchmarks. *International Journal of Computer Science and Mobile Computing*, 10(4), 118–131.
- Mustapha, R., & Malkan, S. N. A. (2025). Maqasid Al-Shariah In The Ai Era: Balancing Innovation And Islamic Ethical Principles. *International Journal of Islamic Theology & Civilization* (E-ISSN-3009-1551), 3(3), 1-21.
- Nasir, F. K., Maricar, U. E., & Syed Hassan, S. N. (2024). Aplikasi kecerdikan buatan (Artificial Intelligence) dalam pembelajaran Al-Quran. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 7 (12), 54 - 65.
- Nor Jamal, M. H., & Zakaria, M. Z. (2023). Shariah guideline on artificial intelligence (AI) in fatwa issuance. *SALAM Digest*, 1(1), 61–70.
- Nur Afiqah Mustaffa, Nur Afrina Puta Mohd Aquil, Anis Ayuni Abdul Ghafar dan Mohamad Hafizuddin Mohamed Najib. (2024). Peranan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam Membantu Pencarian Maklumat Al-Quran dan Hadis dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *E-prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke 9 (PASAK9 2024)*. E-ISSN: 2811-4051

- Nurul Badriyah Ali, Mohamad Zaki Razaly, Mahasin Saja @ Mearaj & Nazrudin Hashim. (2022). Cabaran Pendidikan Sepanjang Pandemik COVID-19. Adaptasi Konsep Talaqqi dalam Pengajian Islam melalui dalam Talian. *Al-Qanatr International Journal of Islamic Studies*. Vol. 27. No. 2. eISSN: 2289-9944
- Omar, A. I., Muhamad Mahir, L. K., & Mat Saad, Q. N. (2024). Analisis Kaedah Fiqh tentang Kecerdasan Buatan (AI) menurut Pandangan Pakar Muslim: Analysis of Fiqh Methodologies on Artificial Intelligence (AI) from the Perspective of Muslim Scholars. *Jamalullail Journal*, 3(2), 64–86. Retrieved from <https://journaljamalullail.kuips.edu.my/index.php/journal/article/view/154>
- Raquib, A., Channa, B., Zubair, T., & Qadir, J. (2022). Islamic virtue-based ethics for artificial intelligence. *Discover Artificial Intelligence*, 2(1), 11.
- al-Sa'di, A. A. (2000). *Al-Qawa'id wa al-Usul al-Jami'ah wa al-Furuq wa al-Taqari' al-Fiqhiyyah*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- al-Sa'idāt, I. M. (2011). *Maqāṣid al-Sharī'ah al-Islāmiyyah 'inda al-Imām al-Ghazālī*. Al-Urdunn: Dār al-Nafā'is.
- Sehan Rifky. (2024). Dampak Penggunaan Artificial Intelligence Bagi Pendidikan Tinggi. *Indonesian Journal of Multidisciplinary on Social and Technology*. Vol. 2 No. 1 (2024), 37-42. Retrieved from Indonesian Journal of Multidisciplinary on Social and Technology
- al-Shātibī, I. (1997). *Al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Sharī'ah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Suyuti, J. A. (1990). *Al-Ashbah wa al-Nazair fī Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Shafi'iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Syuhaida Idha Abd Rahim, Mohd Asmadi Yakob & Abd Shukor Mohd Ali. (2016). Pedagogi Talaqqi dalam Pendidikan Islam di Pondok. e-proceeding of the 3rd Global Summit on Education GSE 2015 (e-ISBN 978-967-0792-01-1), 9-10 March 2015, Kuala Lumpur, MALAYSIA. Organized by <http://WorldConferences.net>
- University, Ma' Soem. (2023). Perkembangan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Dunia Pendidikan Tinggi. Retrieved from <https://masoemuniversity.ac.id/berita/perkembangankecerdasan-buatan-ai-dalam-dunia-pendidigphp>
- Wan Khairuldin, W. M. K. F. (2018). Kriteria Penyelidik Muslim Berasaskan Kriteria Kelayakan Mufti. *Journal of Fatwa Management and Research*, 5(1), 27–53. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol5no1.83>
- Yahya, R. (2025). Bekas Mufti Wilayah Persekutuan perkenal pegawai syariah AI. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/731367/berita/semasa/bekas-mufti-wilayah-persekutuan-perkenal-pegawai-syariah-ai>
- Zahara, S. L., Azkia, Z. U., & Chusni, M. M. (2023). Implementasi Teknologi Artificial Intelligence (AI) dalam Bidang Pendidikan. *Jurnal Penelitian Sains Dan Pendidikan (JPSP)*, 3(1), 15–20.
- al-Zarqa, A. (2004). *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damascus: Dar al-Qalam.